

<b>Headline</b>	<b>Fotografi alam sekitar</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>30. Mar 2009</b>	<b>Page No</b>	<b>33</b>
<b>Media Title</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Article Size</b>	<b>175 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Sentral</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>192917</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>1521000</b>	<b>AdValue</b>	<b>3722.09</b>



AZIYAH (empat dari kiri) berbual mesra dengan pemenang kategori pelajar, Nuranisya Mohamed Zukki, sambil diperhatikan Suboh (tiga dari kiri).

## Fotografi alam sekitar

**K**EPONG: Alam semula jadi adalah warisan negara dan fungsinya amat penting dipelihara dan dimanfaatkan masyarakat, apatah lagi kepelbagaian keunikan serta keindahan flora dan spesies yang ada wajar dihargai nilainya.

Menyedari kepentingan itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengambil peluang mendekatkan masyarakat negara ini menghargai dan menghayati pelbagai keistimewaan yang

terdapat di hutan melalui pertandingan Fotografi.

Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, Datuk Suboh Mohd Yassin, berkata pertandingan itu adalah sebuah aktiviti sempena Hari Perhutanan Sedunia yang disambut pada setiap 21 Mac menerusi konsep 3M iaitu melihat, menghidu dan menyentuh. "Konsep ini mendekatkan peserta untuk lebih menghargai ciptaan Ilahi selain menanam sikap dan

semangat masyarakat setempat terutama generasi muda untuk tampil lebih berani, bertimbang rasa dan prihatin untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya pada majlis penyampaian hadiah pertandingan itu di FRIM, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Aziyah Mohamed dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod.